

SEBUTHARGA NO. ....



## DOKUMEN SEBUTHARGA

**CADANGAN KERJA-KERJA PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN PEMBERSIHAN  
LUAR BANGUNAN, LANDSKAP, PERMOTONGAN RUMPUT KAWASAN, PENYEWAAN  
TONG RORO DAN PENYELENGGARAAN PADANG MEMANAH DI KOMPLEKS MSN  
NILAI, NEGERI SEMBILAN UNTUK MAJLIS SUKAN NEGARA MALAYSIA**

TARIKH TUTUP : .....

**BAHAGIAN A**

**SYARAT PENYERTAAN**

**CADANGAN KERJA-KERJA PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN PEMBERSIHAN LUAR BANGUNAN,  
LANDSKAP, PERMOTONGAN RUMPUT KAWASAN, PENYEWAAN TONG RORO DAN  
PENYELENGGARAAN PADANG MEMANAH DI KOMPLEKS MSN NILAI, NEGERI SEMBILAN UNTUK  
MAJLIS SUKAN NEGARA MALAYSIA**

**TAJUK :**

**CADANGAN KERJA-KERJA PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN PEMBERSIHAN LUAR BANGUNAN, LANDSKAP, PERMOTONGAN RUMPUT KAWASAN, PENYEWAAN TONG RORO DAN PENYELENGGARAAN PADANG MEMANAH DI KOMPLEKS MSN NILAI, NEGERI SEMBILAN UNTUK MAJLIS SUKAN NEGARA MALAYSIA**

1. Sebutarga adalah dipelawa daripada kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di atas kepala **221002** dan pendaftarannya masih berkuatkuasa.
2. Borang-borang sebutarga boleh didapati di Bahagian Urus Setia Bekalan, Majlis Sukan Negara Malaysia, Kuala Lumpur dengan menyertakan wang pos / wang kiriman pos / bank deraf berharga RM -Tiada- yang dibuat atas nama Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara Malaysia.
3. Semua borang sebutarga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutarga di Ibu Pejabat Majlis Sukan Negara Malaysia, Kuala Lumpur tidak lewat dari jam 12.00 tengahari pada ...../...../20.....
4. Taklimat mengenai kerja di atas akan / tidak akan diadakan bertempat di **KOMPLEKS MSN NILAI, NEGERI SEMBILAN** pada tarikh...../...../20..... dan masa ..... pagi / petang. Adalah dimaklumkan bahawa taklimat akan hanya diadakan sekali sahaja.

Pegawai Bertanggungjawab : .....

Tandatangan : .....

**SYARAT PENYERTAAN :**

**CADANGAN KERJA-KERJA PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN PEMBERSIHAN LUAR BANGUNAN, LANDSKAP, PERMOTONGAN RUMPUT KAWASAN, PENYEWAAN TONG RORO DAN PENYELENGGARAAN PADANG MEMANAH DI KOMPLEKS MSN NILAI, NEGERI SEMBILAN UNTUK MAJLIS SUKAN NEGARA MALAYSIA**

**1. SYARAT-SYARAT KONTRAKTOR/PEMBEKAL**

- 1.1 Kontraktor/pembekal hendaklah dari mereka yang telah mendaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di atas kepala 221002 dan pendaftarannya masih berkuatkuasa.
- 1.2 Satu salinan setiap sijil pendaftaran hendaklah disertakan apabila mengembalikan sebutharga ini.
- 1.3 Berpengalaman luas dalam kerja-kerja penyelenggaraan landskap, padang rumput, membekal tong roro dan permotongan rumput kawasan.
- 1.4 Kontraktor / pembekal diwajibkan menyediakan mesin-mesin serta peralatan yang berkaitan serta pakaian seragam kepada pekerja.

**BAHAGIAN B**

**KETERANGAN AM**

**CADANGAN KERJA-KERJA PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN PEMBERSIHAN LUAR BANGUNAN,  
LANDSKAP, PERMOTONGAN RUMPUT KAWASAN, PENYEWAAN TONG RORO DAN  
PENYELENGGARAAN PADANG MEMANAH DI KOMPLEKS MSN NILAI, NEGERI SEMBILAN UNTUK  
MAJLIS SUKAN NEGARA MALAYSIA**

## **KETERANGAN AM**

### **1. LOKASI/PENYERTAAN PERKHIDMATAN**

Kerja-kerja perkhidmatan penyelenggaraan pembersihan luar bangunan, landskap, permotongan rumput kawasan, penyewaan tong roro dan penyelenggaraan padang memanah di Kompleks MSN Nilai, Negeri Sembilan.

### **2. PERATURAN AM**

Kontraktor hendaklah menyatakan harga di dalam sebutharga mengikut ruangan bulan yang dinyatakan di dalam pecahan harga di dalam dokumen sebutharga ini di mana harga sebutharga ini merupakan jumlah bayaran yang tetap setiap bulan bagi menjalankan kerja-kerja utama dan lain-lain kerja yang berkaitan seperti di jadual 1 dalam dokumen sebutharga ini.

### **3. KADAR BAYARAN**

3.1 Kadar bayaran ini melainkan dinyatakan sebalik taksiran dan harga yang terkandung dalam jadual 1, kadar bayaran ini dianggap mengandungi perkara-perkara yang disebut seperti berikut:-

3.1.1 Penyediaan buruh dan perkakas.

3.1.2 Penyediaan alat-alatan, jentera-jentera dan sebagainya.

3.1.3 Pembekal, penerimaan dan pengambilan alat perkakasan, jentera-jentera alatan dan sebagainya.

3.1.4 Perbelanjaan penubuhan.

3.1.5 Keuntungan

3.1.6 Semua jumlah yang dianggap perlu untuk mematuhi kehendak seperti di jadual 1.

3.1.7 Kesemua kehendak yang perlu atau yang dijangka perlu samada disebutkan atau sebaliknya.

### **4. BIDANG KERJA**

4.1 Kerja-kerja wajib dijalankan di bawah sebutharga ini adalah dinyatakan di dalam jadual 1 yang mengandungi perkara-perkara seperti berikut :-

4.1.1 Penyelenggaraan landskap

4.1.2 pembersihan luar bangunan

4.1.3 Permotongan rumput kawasan

4.1.4 Penyewaan tong roro

4.1.5 Penyelenggaraan padang memanah

## **5. PERUBAHAN SPESIFIKASI**

- 5.1 Kontraktor tidak dibenarkan membuat sebarang perubahan atau pindaan ke atas mana-mana keterangan / arahan asal di dalam sebutharga ini.
- 5.2 Segala keterangan / arahan asal yang terkandung di dalam dokumen ini adalah hak milik kekal Majlis Sukan Negara Malaysia dan segala perubahan / penambahan / pengurangan tidak dibenarkan.

## **6. KAWASAN KERJA**

- 6.1 Kawasan kerja yang dimaksudkan adalah kawasan yang dinyatakan di dalam alamat yang dilampirkan.

**KOMPLEKS MSN NILAI, NEGERI SEMBILAN**

**PERSIARAN PERBANDARAN,**

**71800 NILAI**

**NEGERI SEMBILAN**

## **7. DOKUMEN SEBUTHARGA**

- 7.1 Dokumen sebutharga ini mengandungi :-
  - 7.1.1 Borang sebutharga.
  - 7.1.2 Borang jadual harga.
  - 7.1.3 Borang perjanjian.
  - 7.1.4 Syarat-syarat am perjanjian.
  - 7.1.5 Syarat-syarat, butiran dan spesifikasi sebutharga.

## **8. KEKERAPAN KERJA**

- 8.1 Kontraktor hendaklah menyelenggara dalam kawasan Kompleks MSN Nilai, Negeri Sembilan dengan kekerapan kerja seperti jadual 1.
- 8.2 Pegawai Penguasa (SO) atas budi bicaranya diberi kuasa oleh Majlis untuk mengarah kontraktor yang dilantik Majlis untuk mematuhi segala syarat-syarat kerja yang terkandung di dalam dokumen ini.

## **9. PEMUNGGAHAN RUMPUT**

Kontraktor yang dilantik Majlis perlu membuang kesemua sampah sarap, rumput yang telah dipotong perlu dikeluarkan dari tapak kerja dan di buang ke tempat perlupusan Majlis Tempatan, supaya kawasan penyelenggaraan sentiasa kemas dan bersih. Sebarang pembakaran rumput atau sampah sarap tidak dibenarkan.

## **10. BURUH, PERALATAN DAN LOJISTIK**

10.1 Kontaktor yang dilantik Majlis perlu menyediakan pekerja, alatan, mesin dan kenderaan yang sesuai serta mencukupi seperti yang dinyatakan di dalam Bahagian E dan dalam dokumen sebutharga ini bagi kerja-kerja yang akan dijalankan di bawah perjanjian ini dengan pembelanjaan sendiri.

10.2 Bagi maksud kesempurnaan menjalankan kerja-kerja tersebut, kontraktor hendaklah memastikan segala peralatan serta jentera di dalam keadaan baik dan boleh digunakan. Kontraktor wajib melampirkan senarai mesin yang digunakan pada lampiran 'F' di dalam dokumen sebutharga.

## **11. PEKERJA YANG TIDAK MEMUASKAN**

Pegawai Penguasa (SO) mempunyai budibicara pada bila-bila masa meminta mana-mana pekerja kontraktor diberhentikan kerja jika Pegawai Penguasa (SO) berpendapat bahawa pekerja itu tidak sesuai bekerja dengan kontraktor yang di lantik Majlis dan hendaklah menggantikannya dengan pekerja lain difikirkan sesuai dengan seberapa segera.

## **12. GANGUAN**

Kontraktor yang dilantik hendaklah memastikan supaya tidak ada gangguan kepada orang awam di dalam Kompleks semasa menjalankan tugas.

## **13. PEMBAYARAN**

Pembayaran kepada kontraktor akan dilakukan secara bulanan selepas mendapatkan pengesahan daripada penyelia dan Pegawai Penguasa (SO) yang menyatakan bahawa kerja-kerja yang dijalankan adalah sempurna mengikut jufikasi kerja yang telah ditetapkan Majlis. Pegawai Penguasa (SO) boleh atas budibicara membuat potongan atas kerja-kerja yang didapati tidak memuaskan atau tidak dilaksanakan.

## **14. PEMECAHAN KONTRAK**

Dalam sebarang pemecahan mana-mana stipulasi yang terkandung dalam perjanjian ini yang mana diberi perhatian dan dilakukan atau gagal dijalankan oleh kontraktor mengikut kehendak Pegawai Penguasa (SO), Pegawai Penguasa (SO) berhak melakukan kerja-kerja itu sendiri atau melantik mana-mana kontraktor yang difikirkan perlu untuk menjalankan kerja-kerja yang dimaksudkan itu dan sebarang kos tambahan daripada pelaksanaan kerja-kerja itu hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh kontraktor yang dilantik Majlis dan kos tambahan itu boleh dipotong oleh Pegawai Penguasa (SO) dari mana-mana jumlah bayaran yang akan dibayar oleh kontraktor.

15. **SUB KONTRAKTOR**

Kontraktor yang dilantik Majlis boleh pada bila-bila masa memajakkan, sub-kontrak atau melepaskan kesemua atau sebahagian dari perjanjian ini kepada pihak ke dua (2), dan tanggungjawab kerja akan ditanggung sepenuhnya oleh kontraktor yang di lantik Majlis sahaja.

16. **PEMBUANGAN SAMPAH/RUMPUT YANG TELAH DIPOTONG**

Kontraktor yang dilantik Majlis hendak mengumpul dan membuang kesemua sampah / rumput yang sudah dipotong ke tong roro yang telah di sediakan oleh syarikat sahaja. Tidak dibenarkan membuang/membakar atau menanam sampah sarap di dalam kawasan kerja

17. **PENGANKUTAN SAMPAH/RUMPUT YANG TELAH DIPOTONG**

Kontraktor hendaklah mengambil tanggungan sendiri serta meneliti sampah / rumput yang sudah dipotong diangkut dan semasa dalam perjalanan tidak akan tercicir atau tumpah dengan apa-apa cara yang boleh memberi gangguan kepada orang awam dan dibawa dengan selamat ketempat pembuangan.

18. **BILANGAN PEKERJA**

Kontraktor hendaklah mengambil tanggungan supaya bilangan pekerja yang ditugaskan menjalankan kerja-kerja di bawah perjanjian ini mengikut bilangan pekerja seperti mana yang telah ditetapkan di dalam dokumen ini dan di pantau oleh Pegawai Penguasa (SO) / penyelia bagi satu kawasan tertakluk kepada syarat dan terma.

19. **MAKLUMAT KERJA**

Maklumat-maklumat berkaitan dengan tawaran sebutharga ini boleh didapati di pejabat seperti berikut:-

**MAJLIS SUKAN NEGARA MALAYSIA,**

BAHAGIAN KEWANGAN,

KOMPLEKS SUKAN NEGARA

BUKIT JALIL , SRI PERTALING,

57000 KUALA LUMPUR

20. **TEMPOH PERCUBAAN**

Tempoh minima percubaan kerja akan diberikan selama 3 bulan bergantung kepada prestasi yang di tunjukkan oleh pihak kontraktor yang dilantik Majlis. Dalam tempoh berkenaan Majlis berhak menamatkan perjanjian ini pada bila-bila masa dengan mengeluarkan Notis Pemberhentian Kerja 24 jam sekiranya didapati kontraktor yang dilantik melanggar mana-mana syarat di dalam perjanjian ini.

21. **TEMPOH KONTRAK**

Sah laku dokumen perjanjian ini adalah selam Lapan Belas Bulan (18 bulan) dan optional penyembungan tertakluk kepada pertimbangan Majlis kepada prestasi kerja terdahulu.

22. **PENAMATAN KONTRAK**

Majlis mempunyai hak sepenuhnya untuk menamatkan atau membatalkan kontrak ini sekiranya prestasi dan waranti yang diberikan oleh kontraktor dalam perjanjian ini didapati tidak benar atau kontraktor melanggar mana-mana arahan atau syarat yang ditetapkan Majlis di dalam dokumen ini.

23. **CARA-CARA PENAMATAN PERJANJIAN**

23.1 Perjanjian ini boleh ditamatkan oleh mana-mana pihak dengan cara notis bertulis tidak kurang dari 1 bulan sebelum tarikh akhir perjanjian ini ditamatkan.

23.2 Sungguhpun ada terdapat syarat-syarat penamatan perjanjian seperti di atas, Majlis berhak sepenuhnya untuk menamatkan perjanjian ini secara serta merta dengan memberi notis penamatan 30 hari sekiranya kontraktor yang dilantik melanggar mana-mana syarat atau arahan atau kerja yang tidak memuaskan Majlis.

**BAHAGIAN C**

**BORANG SEBUTHARGA**

**CADANGAN KERJA-KERJA PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN PEMBERSIHAN LUAR BANGUNAN,  
LANDSKAP, PERMOTONGAN RUMPUT KAWASAN, PENYEWAAN TONG RORO DAN  
PENYELENGGARAAN PADANG MEMANAH DI KOMPLEKS MSN NILAI, NEGERI SEMBILAN UNTUK  
MAJLIS SUKAN NEGARA MALAYSIA**



**MAJLIS SUKAN NEGARA MALAYSIA**

**Kompleks Sukan Negara, Bukit Jalil, Sri Pertaling,**

**57000 Kuala Lumpur,**

**MALAYSIA**

**BORANG SEBUTHARGA**

**TAJUK :**

**CADANGAN KERJA-KERJA PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN PEMBERSIHAN LUAR BANGUNAN, LANDSKAP, PERMOTONGAN RUMPUT KAWASAN, PENYEWAAN TONG RORO DAN PENYELENGGARAAN PADANG MEMANAH DI KOMPLEKS MSN NILAI, NEGERI SEMBILAN UNTUK MAJLIS SUKAN NEGARA MALAYSIA**

**KETUA PENGARAH**

Majlis Sukan Negara Malaysia,

Kompleks Sukan Negara,

Bukit Jalil,

Sri Pertaling,

**57000 Kuala Lumpur**

Tuan,

Di bawah dan tertakluk kepada syarat-syarat membuat sebutharga yang membuat bersama ini, yang bertandatangan di bawah ini adalah dengan ini membuat sebutharga dan menawar untuk melaksanakan dan menjalankan kerja-kerja dan peruntukkan-peruntukkan dan membekalkan semua buruh, bahan logi dan segala benda dari tiap-tiap jenis yang masing-masing disebut, ditunjukkan, diperiksa dan yang hendaklah dilaksanakan dan dibekalkan oleh pihak kontraktor bagi kerja-kerja yang disebut di bawah ini.

2. Yang bertandatangan di bawah bersetuju terikat oleh dan tunduk kepada spesifikasi tersebut dan bersetuju bahawa jika sebutharga ini disetujui terima harga dan kadar dalam Ringkasan sebutharga kemunasabahannya tetapi jumlah wang pukat yang sebutharga di bawah ini hendaklah tetap tak berubah. Jika butiran kerja yang terhadapnya harga ada diberikan dalam Ringkasan Sebutharga, Maka harga dalam Ringkasan Sebutharga itu hendaklah menjadi asas bagi menilaikan apa-apa perubahan yang mungkin diarahkan oleh Pegawai Penguasa (SO) dari semasa

ke semasa. Yang bertandatangan di bawah ini selanjutnya bersetuju bahawa Ringkasan Sebutharga itu hendaklah juga menjadi asas bagi menilaikan Perakuan Bayaran Sementara.

3. Dan selanjutnya, yang bertandatangan di bawah ini bersetuju menyiapkan kerja-kerja itu dalam masa 18 bulan dari tarikh pemilikan tapak/bina atau dalam apa-apa tempoh lanjutan yang diperuntukkan dalam syarat-syarat membuat sebutharga.

4. Jumlah amaun sebutharga ini adalah jumlah wang pukal sebanyak RM.....Lapan Belas (18) bulan (dalam perkataan) Ringgit Malaysia.....

5. Bahawasanya adalah diketahui bahawa Majlis Sukan Negara Malaysia sentiasa berhak menyetujui terima atau menolak sebutharga ini sama ada ianya lebih rendah atau sama amaunnya. Yang bertandatangan di bawah ini bersetuju sebutharga ini akan berterusan sah dan tidak akan ditarik balik dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh yang ditetapkan bagi penyerahan sebutharga dan bersetuju bahawa tiada apa-apa hal, syarat atau perjanjian lain akan dikenakan oleh kami selepas tarikh tersebut.

6. Yang bertandatangan di bawah ini juga bersetuju bahawa borang sebutharga ini beserta surat setujuterima sebutharga ini hendaklah menjadi kontrak yang mengikat antara kita walaupun perjanjian kontrak yang formal belum atau tidak dilaksanakan.

7. Yang bertandatangan di bawah ini bersetuju bahawa :-

- a. Jika sebutharga ini ditarik balik sebelum tamatnya tempoh sah sehingga atau apa-apa tempoh lanjutan ; atau
- b. Jika yang bertandatangan di bawah ini mengenakan apa-apa had, syarat atau perjanjian tambahan kepada sebutharga ini selepas tarikh akhir yang ditetapkan bagi penyerahan sebutharga atau ;
- c. Jika sekiranya sebutharga telah disetujuterima, yang bertandatangan di bawah ini enggan atau tidak meneruskan kerja-kerja, maka dalam mana-mana hal itu tanpa menyentuh apa-apa hak lain yang ada padanya, Majlis Sukan Negara Malaysia sentiasa berhak mengambil tindakan tatatertib terhadap yang bertandatangan di bawah ini atau membatalkan pendaftaran yang bertandatangan di bawah sebagai kontrak Majlis Sukan Negara Malaysia sebagaimana difikirkan perlu oleh Majlis Sukan Negara Malaysia.

Bertarikh :...../...../20.....

.....

Tandatangan Pengurus / Cop Syarikat

Nama Penuh :.....

Atas Sifat :.....

yang diberikuasa dengan sepenuhnya untuk  
menandatangani Tender ini untuk dan bagi pihak :

.....  
.....

Alamat petender serta cop syarikat

Saksi :-.....

Nama Penuh :-.....

Pekerjaan :-.....

Alamat :-.....

.....

**BAHAGIAN C**

**JADUAL HARGA**

**CADANGAN KERJA-KERJA PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN PEMBERSIHAN LUAR BANGUNAN,  
LANDSKAP, PERMOTONGAN RUMPUT KAWASAN, PENYEWAAN TONG RORO DAN  
PENYELENGGARAAN PADANG MEMANAH DI KOMPLEKS MSN NILAI, NEGERI SEMBILAN UNTUK  
MAJLIS SUKAN NEGARA MALAYSIA**

**KADAR HARGA**

**TAJUK : CADANGAN KERJA-KERJA PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN PEMBERSIHAN LUAR BANGUNAN, LANDSKAP, PERMOTONGAN RUMPUT KAWASAN, PENYEWAAN TONG RORO DAN PENYELENGGARAAN PADANG MEMANAH DI KOMPLEKS MSN NILAI, NEGERI SEMBILAN UNTUK MAJLIS SUKAN NEGARA MALAYSIA**

Saya/kami yang bertandatangan di bawah ini setelah melawat kawasan yang hendak dikerjakan dan melihat dokumen-dokumen sebutharga serta setuju dan faham tatacara arahan di dalam dokumen ini. Dengan ini saya / kami akan membekalkan buruh-buruh dan perkakas yang diperlukan bagi menjalankan dan menyempurnakan kerja-kerja yang terkandung di dalam dokumen ini.

Semua kerja-kerja di tempat yang disebutkan di bawah ini adalah meliputi kerja-kerja utama iaitu kerja-kerja perkhidmatan penyelenggaraan pembersihan luar bangunan, landskap, permotongan rumput kawasan, penyewaan tong roro dan penyelenggraan padang memanah di Kompleks MSN Nilai, Negeri Sembilan bagi tempoh Lapan belas (18) Bulan

Nama Penuh :.....

No. Kad Pengenalan :.....

Tandatangan :.....

Cop Syarikat :

Tarikh :...../...../20.....

## **SKOP KERJA PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN PEMBERSIHAN LUAR BANGUNAN, LANDSKAP, PERMOTONGAN RUMPUT KAWASAN, PENYEWAAN TONG RORO DAN PENYELENGGARAAN PADANG MEMANAH DI KOMPLEKS MSN NILAI, NEGERI SEMBILAN UNTUK MAJLIS SUKAN NEGARA MALAYSIA**

Perkhidmatan yang diperlukan untuk kontrak ini adalah merangkumi kerja-kerja landskap, kerja-kerja pembersihan luar bangunan termasuk permotongan rumput kawasan, penyewaan tong roro dan penyelenggaraan padang memanah supaya sentiasa kelihatan bersih, kemas dan pokok-pokok serta rumput padang di dalam keadaan terpelihara.

### **DEFINISI**

#### **1. Penyelenggaraan**

Merangkumi kerja-kerja rutin seperti penjagaan pokok, pembersihan, penyiraman, merumput, penggemburan tanah, dan cantasan serta kerja-kerja utama seperti pembajaan, kawalan penyakit, sulaman dan pangkasan pokok termasuk penyewaan tong loro.

#### **2. Landskap**

Adalah suatu pandangan luaran atau permukaan bumi yang dihasilkan daripada keadaan semulajadi atau binaannya. Ia juga adalah satu seni kreatif dengan menggunakan unsur-unsur asli dan binaan supaya lebih berfungsi dan menarik.

#### **3. Sampah**

Bermaksud sebarang bahan atau benda yang dibuang di hadapan atau di belakang sebarang premis/bangunan atau tempat lapang atau sebarang jalan atau kawasan lapang/hijau atau di tepi-tepi jalan termasuk kotak-kotak, sampah-sampah yang terikat, bakul-bakul, tin-tin, tong-tong besar / kecil atau apa-apa bahan-bahan serta sampah kebun termasuk dahan dahan, ranting-ranting yang bersesuaian dan diikat untuk menyenangkan pemungutan dan pembuangan.

#### **4. Pemungutan Sampah**

Bermaksud pemungutan dan pembuangan sampah daripada Kawasan penyelenggaraan termasuk bahu / tepi-tepi jalan, pembahagi jalan, kawasan lapang / hijau, simpang jalan / parit-parit dan kawasan-kawasan lain seperti ditunjukkan di dalam pelan tender, termasuk pembahagi jalan, bulatan jalan - jalan dan jalan susur.

#### **5. Blower Jalan / kawasan**

Bermaksud blower jalan / kawasan, mengangkat kesemua kotoran, pasir dan sampah di atas semua jalan dalam kawasan berkenaan dan termasuk membuang semak-samun di sepanjang bebendul (kerb) jalan dan mengangkat benda - benda yang menghalang jalan.

## **6. Memangkas**

Bermaksud membuang dan memotong bahagian dahan atau pucuk atau pelepah atau batang pokok bagi sesuatu pokok utama atau pokok renek atau pokok palma dan seumpamanya bagi tujuan kemas / keselamatan / keindahan dan seumpamanya mengikut seperti yang diarahkan oleh Pegawai Penguasa (SO), penyelia atau wakil syarikat.

## **7. Merumpai**

Bermaksud mencabut rumput - rumput dan lain-lain tumbuhan yang tidak diperlukan yang tumbuh di antara tepi / celah / di dalam sesuatu pokok utama / pokok palma / pokok renek / tanaman penutup bumi / kekotak tanaman / 'walk-way' / kolam / tangga / bahu jalan dan seumpamanya mengikut arahan Pegawai Pemantau atau wakil syarikat.

## **8. Menggembur**

Bermaksud membalik-balikkan tanah / pasir di keliling / sekitar / kawasan / pokok utama / penutup bumi kawasan bagi tujuan kemas / pengudaraan tanah / pengindahan dan seumpamanya mengikut arahan Pegawai Pemantau atau wakil syarikat.

## **9. Meracun**

Bermaksud menyembur racun yang dibenarkan / diluluskan menggunakan alat penyembur yang dibenarkan untuk tujuan membunuh / menghapuskan rumput yang tidak diperlukan terutama di lokasi seperti bahu jalan / 'walk-way' / dinding struktur dan seumpamanya sehingga ia tidak mencacatkan / merosakkan / membunuh / membahayakan tumbuhan lain / orang dan seumpamanya mengikut arahan Pegawai Penguasa (SO), Penyelia atau wakil syarikat.

## **SKOP KERJA**

Kerja-kerja yang dijalankan adalah seperti berikut: -

- a. Kebersihan kawasan.
- b. Blower jalan / kawasan
- c. Memungut sampah daripada tong-tong sampah
- d. Memangkas.
- e. Merumpai
- f. Menggembur tanah
- g. Membaja.
- h. Meracun.
- i. Membersih struktur / binaan / laluan pejalan kaki / bumbung pos keselamatan
- j. Mencuci rumah sampah
- k. Penyediaan tong loro berukuran 1.21m x 1.82m x 3.35m
- l. Menyiram
- m. Pembersihan longkang / meracun
- n. Permotongan rumput kawasan

Pada keseluruhannya kawasan penyelenggaraan perlu diselenggara / dibersihkan setiap masa tidak termasuk hari Ahad dan cuti Am. Sekiranya Majlis memerlukan pekerja di luar waktu bekerja, syarikat perlu menyediakan pekerja mengikut arahan dari Pegawai Penguasa sekiranya di perlukan pada hari Ahad dan cuti Am

### **PENYELENGGARAAN HARIAN**

Penyelenggaraan harian yang perlu dilakukan oleh kontraktor adalah meliputi kerja -kerja pembersihan kawasan dari sampah sarap dan benda asing, penyelenggaraan pokok melibatkan kerja – kerja mengemburan tanah, membaja, merumpai, menyiram, mengawal serangga dan penyakit, mencantas dan menyulam. Bilangan pekerja di setiap kawasan / zon perlu mengikut syarat tender. Keperluan peralatan kelengkapan seperti plastik sampah, penyapu, pencakar sampah, penyodok longkang dan pengaut sampah serta peralatan yang diperlukan untuk kerja-kerja pembersihan luar bangunan.

- 1 Kebersihan hendaklah dilaksanakan di tahap yang paling terbaik setelah di nilai oleh Pegawai Penguasa (SO), Penyelia atau wakil syarikat.
- 2 Masa bekerja ialah tidak lewat daripada jam 8.00 pagi sehingga jam 5.00 petang.
- 3 Pembuangan sampah hendaklah dilakukan setiap kali kerja-kerja habis dilakukan.
- 4 Keperluan kenderaan untuk mengangkut dan membuang sampah di dalam tong roro yang disediakan.
- 5 Pembajaan (kadar sukatan baja, masa pembajaan, jenis baja) perlu direkod oleh wakil syarikat.
- 6 Penyiraman.
- 7 Pengawalan penyakit dan virus. (kadar sukatan racun, masa meracun, jenis racun) perlu direkod oleh wakil syarikat.

### **Kebersihan Kawasan**

- 1 Membekalkan pekerja untuk kerja – kerja mengutip segala jenis sampah secara 'manual' dengan tenaga kerja dan peralatan yang sesuai dan diluluskan oleh Pegawai Penguasa (SO).
- 2 Sampah-sampah hendaklah dimasukkan ke dalam beg plastik yang syarikat sediakan.
- 3 Segala sampah yang telah dimasukkan ke dalam plastik sampah hendaklah dibuang ke dalam tong loro yang telah disediakan oleh pihak syarikat.

- 4 Segala kerja pembersihan kawasan hendaklah dilaksanakan ketahap kebersihan yang paling terbaik setelah di nilai oleh Pegawai Penguasa (SO), Penyelia atau wakil syarikat.
- 5 Kekerapan adalah (6) hari waktu berkerja, kecuali hari ahad serta cuti umum sekiranya di perlukan.
- 6 Segala pokok mati, sekah dan tumbang hendaklah dibersih dan dibuang di dalam tong roro yang disediakan olah pihak syarikat.

#### **Blower Jalan / kawasan**

- 1 Membekal pekerja, alat-alatan, perkakasan dan sebagainya untuk kerja - kerja blower jalan di dalam kawasan yang telah dinyatakan di atas.
- 2 Membersih / membuang segala apa jua kekotoran / sampah seperti kekotoran cecair, pepejal / butiran dan segala jenis kekotoran yang termasuk dalam kategori kekotoran / sampah.
- 3 Kerja blower jalan / kawasan ialah seluruh bahu jalan / bebendul dan tengah serta semua yang seumpamanya di dalam kawasan kontrak. Segala kekotoran / sampah ini perlu dibersih / dibuang ke dalam tong roro yang disediakan oleh syarikat dengan memasukkan ke dalam beg plastik yang dibenarkan.
- 4 Kekerapan adalah (6) hari waktu berkerja, kecuali hari ahad serta cuti umum sekiranya diperlukan.

#### **Mencuci 'interlocking' / dataran / tempat latihan menggunakan 'water jet'**

- 1 Kekerapan adalah (3) bulan sekali, kecuali hari Ahad dan cuti umum sekiranya diperlukan.
- 2 Gunakan peralatan yang sesuai dengan kerja ini seperti mesin High Pressure Water Jet. penyelenggaraan 'interlocking' / dataran / tempat latihan.
- 3 Pembersihan 'interlocking' / dataran / tempat latihan dari daun-daun, lumut, dan rumput-rumpai yang tumbuh dicelah- celah 'interlocking' / dataran / tempat latihan.
- 4 Pembersihan dari tanah, pasir dan sebagainya yang dianggap mengotorkan permukaan 'interlocking' / dataran / tempat latihan.
- 5 Menggunakan peralatan yang sesuai dengan kerja atau menggunakan mesin seperti High Pressure Water Jet. Membersih interlocking / dataran / tempat latihan.
- 6 Membekalkan pekerja, alat-alatan, perkakasan dan sebagainya untuk kerja-kerja membersih seperti di dalam kontrak.

- 7 Membuang / membersihkan segala apa jua jenis iklan-iklan, pelekat-pelekat, kertas-kertas, plastik-plastik yang dilekatkan, diletakkan, ditampal atau digantung tanpa kebenaran pihak Majlis Sukan Negara di dalam kawasan kontrak.

### **Memungut Sampah Daripada Tong Sampah Beroda Dan Rumah Sampah**

- 1 Membekalkan pekerja alat - alatan, mesin - mesin, perkakas dan sebagainya untuk kerja – kerja memungut dan membersihkan sampah daripada tong sampah beroda di dalam kawasan kontrak.
- 2 Kerja-kerja memungut sampah / pembersihan tong sampah beroda serta rumah sampah semua zon / kawasan perlu dilakukan setiap hari selama (6) hari waktu bekerja kecuali hari Ahad dan cuti Am sekiranya diperlukan.
- 3 Tong-tong sampah serta rumah sampah semua zon / kawasan perlu dibersihkan serta dicuci dan di susun semula tong sampah beroda di dalam rumah sampah supaya di dalam keadaan kemas dan teratur serta di dalam keadaan bersih rumah sampah berkenaan setiap kali kerja – kerja memungut sampah dari tong - tong sampah berkenaan selesai dilakukan oleh pihak Majlis Tempatan.
- 4 Segala kerosakan tong sampah beroda di rumah sampah semua zon / kawasan di sebabkan kecuaiannya akan di tanggungjawabkan sepenuhnya oleh kontraktor dan di ganti mengikut jumlah serta saiz asal tong sampah beroda berkenaan. Tiada sebarang kos tambahan bagi pengantian berkenaan.

### **Memangkas**

- 1 Membekal pekerja, alatan, perkakas dan sebagainya untuk mencantas pokok - pokok utama / palma / bunga dalam kawasan kontrak.
- 2 Ketinggian cantasan bagi selenggara tidak melebihi 6.09 m (20 kaki) bagi ketinggian pokok tinggi. Sebelum membuat cantasan, ketinggian melebihi had perlu di nilai dan mendapat kelulusan oleh Pegawai Penguasa (SO) bagi menentukan risiko keselamatan pekerja.
- 3 Perkakasan atau alatan yang digunakan untuk tujuan mencantas hendaklah berkeadaan baik dan elok supaya tidak mencederakan atau merosakkan pokok semasa kerja – kerja mencantas dilakukan.
- 4 Kontraktor diwajibkan dan dikehendaki berhubung dengan Pegawai Penguasa (SO) terlebih dahulu sebelum mula mencantas / memangkas pokok. Pokok perlu dipangkas supaya sihat dengan membuang semua dahan yang mati, rosak diserang penyakit dan lain - lain. Pangkasan hendaklah dibuat (1) satu bulan sekali atau mengikut keperluan terutama pokok-pokok renek.

- 5 Pokok-pokok renek mestilah dibuat cantasan pada dahan - dahan yang kering. Pokok renek yang telah tumbuh tidak kemas atau tumbuh menghalang laluan / pandangan perlulah dipangkas. Walaubagaimanapun rupa bentuknya seharusnya dikekalkan dalam bentuk asli.
- 6 Pokok renek yang digunakan sebagai pagar mesti dicantas ringan kerap kali iaitu (2) dua kali sebulan.
- 7 Semua tunas-tunas dan dahan-dahan yang tumbuh di kawasan tersebut hendaklah dipangkas. Pangkasan pokok teduhan hendaklah dilakukan satu (2) dua kali sebulan.
- 8 Segala pokok / dahan yang patah / sekah / tumbang / mati perlulah dicantas / ditebang / dibersihkan serta-merta dengan kebenaran Pegawai Penguasa (SO) tanpa sebarang kos tambahan.
- 9 Bagi pokok-pokok renek yang mengeluarkan bunga, cantasan hendaklah dilakukan selepas musim pokok berbunga atau atas arahan Pegawai Penguasa (SO) .

### **Merumpai**

- 1 Membekal pekerja, peralatan, perkakas dan sebagainya untuk kerja-kerja merumput dalam kawasan kontrak.
- 2 Rumpai yang hidup di atas batasan tanaman hendaklah dibuang secara 'manual' kesemua bahagian (termasuk akar umbi, akar rizom dan bahagian vegetatif) rumpai - rumpai dan tumbuhan lain tidak boleh berada di dalam tanah. Merumpai hendaklah dilakukan:
  - a. Bagi pokok kayu (trees) – 30 cm keliling batang pokok.
  - b. Bagi pokok renek (shrubs) – 10 cm keliling batang pokok atau penghujung mengikut arahan Pegawai Penguasa (SO).
  - c. Bagi pokok tutup bumi dan rumput, semua rumpai atau tumbuhan lain hendaklah dicabut dan dibuangkan.
  - d. Bagi kerja-kerja merumpai ini hendaklah dilakukan sekurang-kurangnya (3) tiga kali sebulan atau sehingga memuaskan hati Pegawai Penguasa (SO), Penyelia atau wakil syarikat.
3. Rumpai yang telah dicabut hendaklah dibuangkan di dalam tong roro yang disediakan oleh pihak syarikat dan kawasan batasan tanaman hendaklah sentiasa kemas dan bersih setiap kali habis kerja di lakukan.

## **Membaja**

- 1 Membekalkan pekerja, alat-alatan, perkakas dan sebagainya untuk kerja-kerja membaja di dalam kawasan kontrak.
- 2 Kontraktor perlu menyediakan baja yang telah di tetapkan oleh Majlis Sukan Negara seperti yang dilampiran.
- 3 Baja yang di bekalkan oleh syarikat perlu mendapat kelulusan dari Pegawai Penguasa (SO).
- 4 Kerja-kerja membaja hendaklah dilakukan mengikut arahan daripada Pegawai Penguasa (SO) dan di pantau sepenuhnya wakil syarikat.
- 5 Kerja-kerja membaja mestilah mengikut jadual yang telah ditentukan oleh Pegawai Penguasa (SO).
- 6 Memastikan selepas kerja-kerja pembajaan perlu di siram sehingga baja berkenaan larut sepenuhnya bagi penggunaan baja kimia butiran.
- 7 Hendaklah dipastikan juga segala keselamatan dijaga semasa kerja - kerja pembajaan ini dilakukan.
- 8 Dilakukan setiap (3) tiga bulan sekali atau jika perlu.

## **Meracun**

- 1 Membekalkan pekerja, alat-alatan, perkakas dan sebagainya. Mengambil senaraikan jenis racun yang digunakan oleh pihak Majlis bagi kerja - kerja meracun di dalam kawasan kontrak.
- 2 Petender perlu menyediakan racun yang telah di tetapkan Majlis Sukan Negara.
- 3 Racun yang di bekalkan oleh syarikat perlu mendapat kelulusan dari Pegawai Penguasa sebelum memulakan kerja.
- 4 Kontraktor perlu menyediakan papan tanda amaran / notis, dan pita keselamatan bagi kawasan yang berisiko tinggi penggunaan seperti taman atau laluan berjalan kaki.
- 5 Kerja-kerja meracun hendaklah dilakukan oleh pekerja yang mahir dalam bidang berkenaan dan di pantau sepenuhnya oleh wakil syarikat dan mendapat arahan daripada Pegawai Penguasa (SO).
- 6 Meracun rumput hendaklah dilakukan di kawasan berbatu di mana tidak membolehkan mesin rumput bagi tujuan pembuangan rumput. Dilakukan (1) satu kali pusingan sebulan.

- 7 Meracun di pejalan kaki di atas tebing (pavers) dan di bawah.
- 8 Kerja-kerja meracun perlu dilakukan dengan berhati-hati agar tidak mengenai pokok / pokok renek / tanaman penutup bumi berdekatan dan seumpamanya. Sekiranya mengenai pokok / pokok renek / tanaman penutup bumi pihak penender perlu menggantikan pokok - pokok yang rosak mengikut jenis / saiz yang sama di sebabkan kecuian pekerja syarikat dan akan di nilai oleh Pegawai Penguasa (SO) dan Penyelia. Tiada sebarang kos tambahan untuk pengantian.
- 9 Meracun tepi jalan raya / berpremix, interlocking, tempat letak kereta, tembok-tembok / dinding penahan dan tangga-tangga dari daun dan lumut yang tumbuh serta rumput rampai yang tumbuh dicelah-celah bahagian tersebut.
- 10 Hendaklah menjaga keselamatan dengan menggunakan peralatan dan pakaian yang sesuai untuk kerja meracun dan di luluskan oleh Pegawai Penguasa (SO).
- 11 Dilakukan (1) satu bulan sekali atau jika perlu

#### **Penyediaan tong loro**

- 1 Penyediaan tong loro berukuran 1.21m X 1.82m x 3.35m sebanyak 3 unit bagi (1) satu pusingan mempunyai 4 pusingan sebulan dan perlu diletakan di tempat yang telah diarahkan oleh Pegawai Penguasa dan Penyelia bagi zon / kawasan di tetapkan.

#### **Menggembur tanah**

- 1 Membekal pekerja, peralatan, perkakas dan sebagainya untuk kerja - kerja penggemburan tanah di dalam kawasan kontrak.
- 2 Perkakas atau alatan yang digunakan untuk tujuan penggemburan hendaklah berkeadaan baik dan boleh digunakan.
- 3 Kerja-kerja penggemburan perlu dilakukan dari masa ke semasa supaya kelihatan kemas, teratur dan bersih.
- 4 Segala sampah-sarap, daun-daun, rumput rumpai dan apa jua sampah mahupun kekotoran hendaklah dibersihkan.
- 5 Segala rumput-rumpai yang tumbuh perlu dicabut sehingga ke akar umbi supaya rumput tersebut tidak tumbuh lagi di kawasan berkenaan.
- 6 Kerja-kerja menggembur tanah perlu di lakukan dengan kerap di pangkal pokok dengan jejari 2' keliling pangkal pokok.
- 7 Kerja-kerja gemburan tanah di lakukan (1) satu sebulan sekali atau apabila perlu.

### **Penyiraman**

- 1 Membekal pekerja, peralatan, perkakas dan sebagainya untuk kerja-kerja penyiraman dalam kawasan kontrak.
- 2 Dilakukan sekurang-kurangnya (1) satu kali sehari pada setiap hari. Memastikan tanah di kawasan / pasu benar-benar basah selepas penyiraman.
- 3 Dilakukan (2) dua kali sehari jika musim kemarau.

### **Membersih struktur / binaan / laluan pejalan kaki / bumbung pos keselamatan**

- 1 Membekal pekerja, peralatan, perkakas dan sebagainya untuk kerja-kerja pembersihan struktur/ binaan / laluan pejalan kaki / bumbung pos keselamatan dalam kawasan kontrak.
- 2 Memastikan struktur/ binaan/ laluan pejalan kaki / bumbung pos keselamatan di dalam keadaan bersih dari sampah sarap, daun, rumput/ pokok dan sebagainya.
- 3 Dilakukan (1) bulan hingga (3) bulan sekali atau jika perlu.

### **Pembersihan longkang / meracun**

1. Membekal pekerja, peralatan, perkakas dan sebagainya untuk kerja-kerja pembersihan longkang serta meracun longkang dalam kawasan kontrak.
2. Pembersihan longkang perlu dilakukan setiap hari di dalam kawasan kompleks. Kerja-kerja pembersihan merangkumi benda sing seperti sampah, ranting, pasir, batu, besi dan sebagainya.
3. Penggunaan racun perlu mendapat pengesahan dari Pegawai Penguasa (SO).
4. Meracun rumput hendaklah dilakukan di kawasan tepi longkang dengan pengawasan Penyelia dan wakil syarikat, serta menggunakan peralatan dan pakaian bagi kerja-kerja meracun
5. Kerja-kerja meracun perlu dilakukan (2) dua bulan kali bagi memastikan longkang di dalam keadaan bersih dan kemas.

### **Penyewaan trektor / kenderaan pengangkut**

1. Kontraktor perlu menyediakan kenderaan / pengangkutan untuk mengangkat sampah-sarap, sisa tumbuhan ke dalam tong loro yang telah di sediakan oleh syarikat. Semua kos pengangkutan perlu di tanggung oleh kontraktor.

## **DEFINISI PENYELENGGARAAN PADANG MEMANAH**

### **1. Rumput padang**

Perkataan rumput padang diambil daripada perkataan sankrit “darbhus” yang bermaksud lapangan rumput. Dari segi istilah, rumput padang didefinisikan sebagai tumbuhan yang menutup sesuatu kawasan dengan sifatnya yang dipotong rapat, tumbuh dengan padat dan mempunyai batang yang berangkai. Rumput padang mewakili beberapa berberapa jenis rumput untuk dijadikan alas padang permainan, menutup kawasan lapang, halaman rumah, halaman bangunan, pinggiran jalan dan mengawal hakisan tanah.

### **2. Penyelenggaraan**

Merangkumi kerja-kerja rutin seperti permotongan, kawalan rumpai, penyiraman dan membuat garisan memmanah. Terdapat juga kerja-kerja khas yang memerlukan kemahiran kerja seperti hollow tine, topdressing, divoting, pembajaan, turfing, kawalan rumpai serta serangga dan sebagainya.

### **3. Memotong**

Bermaksud merupakan amalan asas dalam penyelenggaraan padang rumput. Tujuan permotongan bagi mendapatkan ketinggian yang dikehendaki, permukaan rata dan cantik serta mempercepatkan pertumbuhan dan penyebaran rumput di dalam padang.

### **4. Kawalan Rumpai**

Bermaksud adalah kawalan apa-apa tumbuhan lain yang tumbuh dalam kawasan padang rumput (bukan ditanam dengan sengaja) yang tidak dikehendaki dan boleh mengganggu fungsi dan kecantikan padang rumput.

### **5. Pembersihan Padang**

Bermaksud mengangkat kesemua kotoran, sampah dan benda asing dalam kawasan padang berumput bagi memastikan padang rumput dalam keadaan bersih, cantik dan boleh digunakan.

### **6. Penyiraman**

Bermaksud bagi memastikan rumput mendapat kelembapan yang secukupnya untuk aktiviti percambahan atau tumbesaran rumput.

### **7. Membuat garisan**

Bermaksud menyediakan cat air berwarna putih dan di sapu di atas permukaan padang rumput dengan menggunakan alat khas bagi menyediakan garisan lurus mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan oleh Pegawai Penguasa (SO).

### **8. Membaja**

Bermaksud meletakkan nutrien dalam bentuk butiran atau cecair kepada rumput bagi membantu pertumbuhan rumput supaya sentiasa di dalam keadaan sihat dan menjadi sumber makanan kepada rumput.

### **9. 'Topdressing'**

Bermaksud menabur lapisan nipis pasir sungai pada permukaan padang rumput. Kemudian lapisan pasir ini diratakan di celah-celah rumput menggunakan alat meratakan pasir berkenaan.

### **10. 'Hollow – Tine'**

Bermaksud melubangkan tanah bagi proses pengudaraan serta pembaikan struktur tanah. Ia merupakan kaedah mekanikal yang melibatkan mesin menebuk lubang di permukaan padang berumput.

### **11. 'Roller'**

Bermaksud menggelek bagi tujuan meratakan, melicin dan memadatkan semula tanah yang rosak akibat penggunaan yang kerap serta merapatkan pegangan akar rumput terhadap tanah.

### **12. 'Turfing'**

Bermaksud menanam semula rumput yang telah rosak akibat serangan serangga atau penggunaan yang kerap di padang berumput.

## **SKOP KERJA**

1. Kerja-kkerja yang dijalankan adalah seperti berikut: -
  - a. Memotong
  - b. Kawalan rumpai
  - c. Pembersihan padang
  - d. Penyiraman
  - e. Membuat garisan
  
2. Kerja-kkerja di luar kontrak adalah seperti berikut: -
  - a. Membaja
  - b. 'Topdressing'
  - c. 'Hollow – tine'
  - d. 'Roll'
  - e. 'Turfing'
  
3. Keseluruhannya padang rumput perlu diselenggara setiap masa tidak termasuk hari Ahad dan cuti Am. Sekiranya Majlis memerlukan pekerja di luar waktu bekerja, syarikat perlu menyediakan pekerja mengikut arahan dari Pegawai Penguasa (SO) sekiranya di perlukan pada hari Ahad dan cuti Am.
  
4. Kerja-kkerja di luar kontrak tidak termasuk nilai kontrak yang perlu di tuntutan secara bulanan oleh Syarikat. Sekiranya Majlis memerlukan kerja-kkerja di luar kontrak ini dilaksanakan, Majlis berhak atau tidak menguna pakai harga yang di lampirkan oleh Syarikat di dalam tender ini. Pihak Majlis tidak terikat dengan mana-mana harga terendah di dalam lampiran yang dinyatakan.

## **PENYELENGGARAAN HARIAN**

Penyelenggaraan harian yang perlu dilakukan oleh kontraktor adalah meliputi kerja-kerja memotong, kawalan rumput, pembersihan padang, menyiram (seperti diarahkan) dan membuat garisan (seperti diarahkan) mengikut syarat sebutharga. Keperluan seperti mesin potong rumput, mesin membuat garisan, peralatan kelengkapan seperti plastik sampah, blower, dan sebagainya serta peralatan yang diperlukan untuk kerja-kerja penyelenggaraan padang rumput.

- 1 Kerja-kerja penyelenggaraan padang rumput hendaklah dilaksanakan di tahap yang paling terbaik setelah di nilai oleh Pegawai Penguasa, Penyelia atau wakil syarikat.
- 2 Masa bekerja ialah tidak lewat daripada jam 8.00 pagi sehingga jam 5.00 petang.
- 3 Pembuangan sisa potongan rumput atau sampah perlu di masukan kedalam plastik sampah dan di buang ke tong roro yang telah di sediakan oleh Syarikat, ia hendaklah dilakukan setiap kali kerja-kerja permotongan serta pembersihan padang selesai dilakukan.
- 4 Keperluan kenderaan untuk mengangkut dan membuang sisa potongan rumput atau sampah di dalam tong roro yang disediakan.
- 5 Penyiraman perlu di lakukan 2 kali sehari pada waktu pagi dan petang sehingga padang rumput berkenaan telah menerima sepenuhnya air yang di perlukan oleh rumput. Penyiraman tidak dilakukan sekiranya sewaktu hujan.
- 6 Kawalan rumput perlu dilakukan setiap hari menggunakan teknik mencabut rumput (Merumpai) dengan menggunakan tali sebagai panduan kawasan. Penggunaan racun rumput tidak dibenarkan. Rumput yang hidup di atas permukaan padang berumput hendaklah dibuang secara 'manual' kesemua bahagian (termasuk akar umbi, akar rizom dan bahagian vegetatif) yang tumbuh selain rumput asal tidak boleh berada di dalam kawasan padang rumput.
- 7 Menyediakan garisan, Pegawai penguasa (SO), Penyelia atau wakil syarikat perlu memastikan garisan sentiasa di dalam keadaan baik dan boleh dilihat dengan jelas di atas permukaan padang rumput mengikut jafikasi yang telah ditetapkan Majlis.

## **Kebersihan Padang Memanah**

- 1 Membekalkan pekerja untuk kerja – kerja mengutip segala jenis sampah secara 'manual' dengan tenaga kerja dan peralatan yang sesuai dan diluluskan oleh Pegawai Penguasa (SO).
- 2 Sampah-sampah hendaklah dimasukkan ke dalam beg plastik yang syarikat sediakan.

- 3 Segala sampah yang telah dimasukkan ke dalam plastik sampah hendaklah dibuang ke dalam tong roro yang telah disediakan oleh pihak syarikat.
- 4 Segala kerja pembersihan padang hendaklah dilaksanakan setiap hari.
- 5 Kekerapan adalah (6) hari waktu berkerja, kecuali hari ahad serta cuti umum sekiranya di perlukan.

### **Memotong**

- 1 Membekal pekerja, alat-alatan, perkakasan dan mesin untuk kerja - kerja permotongan rumput.
- 2 Permotongan rumput perlu menggunakan mesin jenis piring berputar (rotary) mesin perlu mempunyai bakul untuk menyedut sisa rumput selepas potongan dilakukan dan dimasukan ke dalam plastik serta di buang ke dalam tong roro yang telah disediakan oleh syarikat. Jarak ketinggian permotongan rumput padang 20 mm hingga 22 mm dari aras tanah.
- 3 Kawasan tepi sekeliling padang termasuk kawasan yang tidak boleh di masuki mesin rumput padang perlu menggunakan mesin sandang bagi tujuan kekemasan. Ketinggian potongan 15 mm sehingga 20 mm. Lebar jarak keluasan potongan 1.5 m dari tebing / longkang dan kawasan yang telah dipotong serta tebing / longkang perlu dibersihkan menggunakan blower dan sisa potongan perlu di masukan ke dalam plastik dan dibuang ke dalam tong loro yang telah disediakan oleh syarikat.
- 4 Kekerapan potongan padang rumput termasuk potongan kekemasan empat kali dalam masa bulan, seminggu sekali permotongan.
- 5 Penyelia perlu menyediakan jadual perancangan permotongan bulanan untuk bulan berikutnya kepada Pegawai Penguasa (SO) sebelum menjalankan kerja-kerja permotongan pada setiap hujung bulan.
- 6 Pegawai Penguasa (SO) mempunyai kuasa untuk mengubah jadual perancangan yang telah disediakan sekiranya berlaku aktiviti atau pertandingan yang melibatkan kawasan di dalam padang memamah

### **Kawalan rumpai**

- 1 Kekerapan adalah setiap hari menggunakan tali sebagai panduan kawasan.
- 2 Rumpai yang hidup di atas batasan tanaman hendaklah dibuang secara 'manual' kesemua bahagian (termasuk akar umbi, akar rizom dan bahagian vegetatif) rumput - rumpai dan tumbuhan lain tidak boleh berada di atas atau dalam tanah.

### **Penyiraman**

- 1 Membekal, peralatan, perkakas dan sebagainya untuk kerja-kerja penyiraman dalam padang.
- 2 Dilakukan sekurang-kurangnya (2) dua kali sehari pada setiap hari. Memastikan tanah / rumput benar-benar basah selepas penyiraman.
- 3 Sekiranya berlaku musim hujan kerja-kerja penyiraman tidak perlu di lakukan.

### **Membuat garisan**

- 1 Menyediakan peralatan, cat air dan sebagainya bagi kerja-kerja membuat garisan padang memanah.
- 2 Memastikan garisan padang memanah sentiasa berada di dalam keadaan terang dan dapat di lihat dengan jelas, ukuran lebar garisan 4 inci.
- 3 Kerja-kerja ini perlu di lakukan (2) dua kali sebulan.

### **Penyewaan trektor / kenderaan pengangkut**

- 1 Kontraktor perlu menyediakan kenderaan / pengangkutan untuk mengangkat sampah-sarap, sisa rumput ke dalam tong loro yang telah di sediakan oleh syarikat. Semua kos pengangkutan perlu di tanggung oleh kontraktor.

**JADUAL SEBUTHARGA**

1. Sebutharga kami adalah berjumlah RM ..... (harga keseluruhan + insuran) dan Pecahan sebutharga adalah seperti jadual berikut: -

**Ringkasan Sebutharga**

Jadual 1- Ringkasan Sebutharga (harga bagi kerja-kerja tersebut untuk 18 bulan)

<b>BIL</b>	<b>LOKASI / KERJA</b>	<b>JUMLAH HARGA 18 BULAN RM</b>
a	Insuran 18 bulan	
b	Perkhidmat penyelenggaraan pembersihan luar bangunan, landskap, permotongan rumput kawasan, penyewaan tong roro dan penyelenggraan padang memanah di Kompleks MSN Nilai, Negeri Sembilan	
<b>JUMLAH KESELURUHAN BAGI A, B DAN C</b>		

Jadual 2- Pecahan sebutharga kontrak adalah seperti berikut: -

<b>BIL</b>	<b>LOKASI / KERJA</b>	<b>JUMLAH HARGA 1 BULAN / RM</b>
a	Kerja-kerja pembersihan luar bangunan, landskap dan permotongan rumput kawasan	
b	Penyewaan tong loro	
c	Penyelenggaraan padang memanah	
<b>JUMLAH KESELURUHAN BAGI A, B DAN C DI BAWA KE JADUAL (1) RINGKASAN SEBUTHARGA</b>		

## KADAR HARGA JABATAN

KADAR HARGA JABATAN UNTUK PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN PEMBERSIHAN LUAR BANGUNAN, LANDSKAP, PERMOTONGAN RUMPUT KAWASAN, PENYEWAAN TONG RORO DAN PENYELENGGARAAN PADANG MEMANAH DI KOMPLEKS MSN NILAI, NEGERI SEMBILAN UNTUK MAJLIS SUKAN NEGARA MALAYSIA

Bil	Kawasan kerja	Jenis kerja	Kekerapan (Sebulan)	Jumlah perkerja	Jumlah tawaran sebulan (RM)	Jumlah tawaran lapan belas bulan (18 bulan) (RM)	Jumlah tawaran keseluruhan dan insuran (RM)
<b>A) KERJA-KERJA PEMBERSIHAN LUAR BANGUNAN, LANDSKAP DAN PERMOTONGAN RUMPUT KAWASAN</b>							
1	Kerja-kerja awalan termasuk insuran selama 18 bulan dan laporan bulanan			6 orang			
2	Tempat letak kenderaan, Pos keselamatan, mencuci rumah sampah, penyelenggaraan landskap luar kawasan dan permotongan rumput kawasan	a) Blower jalan dan kawasan, siar kaki b) Memungut sampah jalan, siar kaki dan tong sampah / tukar plastik sampah c) Mencuci interlocking menggunakan water jet. d) Menyiram e) Membaja f) Meracun	Setiap hari Setiap hari 3 bulan sekali Setiap hari 3 bulan sekali 1 kali pusingan	4 orang			-

		g) Mengembur tanah	1 kali pusingan					
		h) Merumpai	2 kali pusingan					
		i) Memangkas	1 kali pusingan					
		j) Mencuci bumbung pos keselamatan	2 kali pusingan					
		k) Mencuci longkang	Setiap hari					
		l) Meracun longkang	1 kali pusingan					
		m) Permotongan rumput kawasan	2 kali pusingan					
<b>KADAR JUMLAH HARGA</b>								

Bil	Kawasan kerja	Jenis kerja	Kekerapan (Sebulan)	Jumlah Tong	Jumlah tawaran sebulan (RM)	Jumlah tawaran lapan belas bulan (18 bulan) (RM)	Jumlah tawaran keseluruhan dan insuran (RM)	
<b>B) PENYEWAAN TONG LORO</b>								
1	Penyewaan tong loro	a) Membekal 3 unit tong loro bagi kegunaan pembersihan kawasan dan penyelenggaraan padang bolasepak dengan ukuran tong 1.21m X1.82m X3.35m	4 kali pusingan	12 unit / bln			-	
<b>KADAR JUMLAH HARGA</b>								

BIL	Kawasan kerja	Jenis kerja	Kekerapan (Sebulan)	Jumlah perkerja	Jumlah tawaran sebulan (RM)	Jumlah tawaran lapan belas bulan (18 bulan) (RM)	Jumlah tawaran keseluruhan dan insuran (RM)
<b>C) PENYELENGGARAAN PADANG MEMANAH</b>							
1	Kerja – kerja penyelenggaraan padang memanah	a. Memotong b. Kawalan rumpai c. Pembersihan padang d. Penyiraman e. Membuat garisan	4 kali sebulan Setiap hari Setiap hari Setiap hari / jika perlu 2 kali sebulan	2 orang			-
<b>KADAR JUMLAH HARGA</b>							
<b>KADAR JUMLAH HARGA A + B + C (TERMASUK INSURAN)</b>							

## KERJA-KERJA DI LUAR KONTRAK

BIL	SKOP KERJA	UNIT	KADAR HARGA (RM)
1.	<p><b>Membekal dan menanam rumput (turfing)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Keluasan padang keseluruhan 10,800m<sup>2</sup></li> <li>- Kontraktor yang dilantik perlu membekalkan 100% rumput jenis :-</li> </ul> <p>Nama Sainstifik : <i>Axonopus compressus</i>  Nama Biasa : Cow grass  Keluarga : Gramineae</p> <p>Tidak mempunyai 'weeds' membekal rumput tersebut wajib dipotong menggunakan 'sod cutter' dan setiap rumput yang di tanam mestilah dalam ukuran 300mm X 300mm. Kontraktor tidak dibenarkan sama sekali menggunakan mata cangkul dan wajib menggunakan 'sod cutter' semasa pertukaran rumput yang rosak dan penanaman semula rumput baru.</p>	m <sup>2</sup>	
2.	<p><b>Membaja</b></p> <p>Pembajaan dilakukan setiap 3 bulan sekali dengan kadar 0.5kg N/100<sup>2</sup> menggunakan sebatian baja NPK 15:15:15 TE atau sebagainya dengan kadar N yang tinggi. Pembajaan wajib menggunakan ' Fertilizer spreader' dengan menggunakan teknik secara 'cross'. Siraman wajib dilakukan selepas pembajaan.</p>	m <sup>2</sup>	
3.	<p><b>Vartidrain / Hollow-tine</b></p> <p>Kontraktor dikehendaki menyediakan mesin vartidrain dan hollow-tine. Tahap kedalaman mata hollow-tine 10.61cm bersamaan 4 inci . Diameter mata hollow-tine 15 mm bersamaan ½ inci. Bagi vartidrain tahap kedalaman yang di perlukan 25.4cm</p>	m <sup>2</sup>	
4.	<p><b>Topdressing</b></p> <p>Kontraktor wajib melakukan kerja-kerja topdressing selepas kerja vartidrain dan hollow-tine dan perlu menyediakan mesin topdressing</p>	m <sup>2</sup>	
5.	<p><b>Divoting</b></p> <p>Kontraktor di kehendaki menjalankan kerja divot sekiranya padang memanah mengalami kerosakan kecil dan perlu di baiki segera.</p>	m <sup>2</sup>	
6.	<p><b>Roll</b></p> <p>Kontraktor perlu menyediakan mesin roll seberat 1 tan bagi meratakan permukaan padang memana</p>	m <sup>2</sup>	

1. Jumlah besar (18 bulan) dari tarikh lantikan Majlis seperti **jadual 1** dibawa ke Borang Sebutharga.
2. Pegawai Pemantau tidak terikat untuk menerima harga yang termurah ataupun mana-mana harga di dalam sebutharga. Sebarang kos tambahan akan ditanggung sepenuhnya oleh pihak kontraktor.
3. Kontraktor perlu merujuk terlebih dahulu kerja-kerja yang akan dilakukan kepada Pegawai Pemantau yang memberi kuasa olehnya berhubung kerja-kerja yang akan dilakukan.
4. Pegawai Pemantau mempunyai kuasa penuh untuk membatalkan mana-mana sebutharga dibawah kuasanya sekiranya harga asal kontrak tidak relevan dengan harga semasa dan mempunyai kuasa untuk memanggil semula dengan panggilan sebutharga baru bagi sub bilangan berkenaan.
5. Pihak Majlis berhak memotong mana-mana harga, sekiranya pihak kontraktor tidak melakukan atau kurang memuaskan kerja di dalam mana-mana item di atas.
6. Saya / kami telah membaca dan memahami kesemua syarat di atas serta spesifikasi kerja-kerja utama dan kerja-kerja di luar kontrak dalam dokumen ini dan bersetuju untuk mematuhi sepenuhnya.

**PENYEBUTHARGA**

Nama Penuh Kontraktor : \_\_\_\_\_  
No. Kad Pengenalan : \_\_\_\_\_  
Jawatan Dalam Syarikat : \_\_\_\_\_  
Tandatangan Kontraktor : \_\_\_\_\_  
Alamat Syarikat : \_\_\_\_\_  
No.Tel / No. Fax : \_\_\_\_\_  
Cop Syarikat :

Tarikh : / / 20

**SAKSI**

Nama Penuh Saksi : \_\_\_\_\_  
No. Kad Pengenalan : \_\_\_\_\_  
Tandatangan Saksi : \_\_\_\_\_  
No.Tel / No. Fax : \_\_\_\_\_  
Tarikh : / / 20

**BAHAGIAN E**

**MAKLUMAT AM LATAR BELAKANG KONTRAKTOR DAN PENGALAMAN KERJA  
KONTRAKTOR**

**CADANGAN KERJA-KERJA PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN PEMBERSIHAN LUAR BANGUNAN,  
LANDSKAP, PERMOTONGAN RUMPUT KAWASAN, PENYEWAAN TONG RORO DAN  
PENYELENGGARAAN PADANG MEMANAH DI KOMPLEKS MSN NILAI, NEGERI SEMBILAN UNTUK  
MAJLIS SUKAN NEGARA MALAYSIA**

**BORANG MAKLUMAT AM LATAR BELAKANG PETENDER (Wajib Isi)**

\*\* Isi yang berkaitan

1. Nama :.....
2. Alamat :.....
3. Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan:
  - (i) No. Pendaftaran :.....
  - (ii) Tarikh Daftar :.....
  - (iii) Kertas dan Tajuk/Tajuk Kecil : .....
  - (iv) Taraf (Bumiputra/Bukan Bumiputra) : .....
  - (v) Jika Bumiputra, tempoh sah tarif : dari .....hingga .....
4. Bagi Syarikat Sdn. Bhd. nyatakan :
  - (i) Modal Dibenarkan : RM.....
  - (ii) Modal Dibayar : RM .....
5. Perniagaan Utama, jika ada :
  - (a) .....sejak.....
  - (b) .....sejak.....
6. Ahli-ahli Syarikat
  - (i) Ahli-ahli Lembaga Pengarah

NAMA	JAWATAN	SAHAM MODAL DIPEGANG

ii) Kakitangan

NAMA	JAWATAN	KELULUSAN AKADEMIK/IKHTISAS

**BORANG DATA-DATA KEWANGAN**

Punca kemudahan kredit

1. Nama dan Alamat Bank / Institusi Kewangan yang memberikan Kemudahan Kredit  
:.....
2. Amaun kemudahan kredit
  - \* (I) Overdraf bercagar bagi kegunaan projek : RM.....
  - \*\* (ii) Surat Jaminan Yang Boleh Diterima : RM.....

Jumlah	RM

\* Sila sertakan salinan-salinan penyata kewangan yang diambil bagi tiga (3) tahun kewangan yang lepas

\*\* Sila sertakan surat jaminan daripada pembekal yang sedia untuk memberi kemudahan kredit

**BAHAGIAN F**

**BUTIR-BUTIR KONTRAK LAIN MENGENAI TAWARAN KERJA BERKAITAN YANG TELAH SIAP/SEDANG DIJALANKAN**

PEMILIK/TEMPAT	NO.KONTRAK	BUTIR-BUTIR BERKENAAN KONTRAK/BEKALAN	NILAI KONTRAK (RM)	PERATUSAN SIAP KERJA (%)

**\*\*\* SILA LAMPIRKAN SALINAN DOKUMEN KONTRAK / BUKTI PEMBAYARAN ATAU SEBAGAINYA YANG BERKAITAN**

**BAHAGIAN G**

**CADANGAN KERJA-KERJA PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN PEMBERSIHAN LUAR BANGUNAN, LANDSKAP, PERMOTONGAN RUMPUT KAWASAN, PENYEWAAN TONG RORO DAN PENYELENGGARAAN PADANG MEMANAH DI KOMPLEKS MSN NILAI, NEGERI SEMBILAN UNTUK MAJLIS SUKAN NEGARA MALAYSIA**

Semua kontraktor/penender dikehendaki mengisi segala maklumat dalam borang ini. Kegagalan membuat demikian boleh mengakibatkan permohonan tawaran ditolak.

**1. Mesin/ Peralatan**

<b>Jenama Mesin / Peralatan</b>	<b>Jenis Mesin / Peralatan</b>	<b>Bilangan Mesin / Peralatan</b>	<b>Kepunyaan sendiri/sewa</b>

**\*\*\* SILA LAMPIRKAN SALINAN PEMBELIAN KENDERAAN/ JENTERA/MESIN ATAU SURAT SEWAAN SEBAGAI BUKTI PEMILIKAN**